


ERIMA KASH

pengetahuan teknologi automotif yang mendalam, kemahiran mendiagnisis, keupayaan merservis dan kebolehan menggunakan peralatan canggih untuk mengelakkan prestasi optimum dalam kereta-kereta moden.

Semua mekanik terlatih Akademi Saga bukan saja cekap mahal mereka akan menjalani kursus-kursus untuk menyemaikan disiplin diri, etika serta budaya kerja yang sihat dalam jiwa mereka dan memupuk sifat keussahawanan serta mengutamakan kos.

Oleh itu, matlamat mutkamad Akademi adalah memadukan semua kemahiran dan nilai-nilai ini dalam program latihannya untuk melahirkan golongan mekanik profesional.



YAB Dato Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia di atas pembukaan rasmi Akademi Saga pada 16 Julai 1991.



Akademi terulung di Malaysia yang dibina untuk melatih para mekanik Proton Saga profesional kini dibuka.


Akademi Saga: Suatu pengenalan

Akademi Saga merupakan lanjutan komitmen EON untuk membangunkan industri automobil Malaysia. Hasil kerjasama EON, PROTON dan PETRONAS, Akademi Saga telah dibina di atas tapak berukuran 1.7 ekar di Shah Alam. Akademi ini merangkumi sebuah woksyop yang lengkap sepenuhnya, dewan kuliah yang dilengkapi peralatan audio visual moden dan sebuah asrama untuk 100 orang penuntur.

Akademi Saga: Falsafahnya

Falsafah Akademi Saga boleh disingkap melalui motonya "Professionalisme melalui kemahiran sepadu." Pelopor-pelopor Akademi Saga sedar bahawa seseorang mekanik tidak boleh sekadar bergantung pada pendengarannya untuk mensesan dan mengatas sebarang kerosakan automobil. Untuk menjadi seorang mekanik yang cekap, dia perlu sentiasa selangkah dengan teknologi terbaru dalam kereta-kereta moden. Selaras dengan kesedaran ini, Akademi Saga telah dibina: untuk melahirkan para mekanik berkualiti dengan kemahiran saintifik dalam menyenggara dan menservis kereta.

Para mekanik lepasan Akademi akan memiliki



Akademi Saga: Kursusnya

Semua kursus di Akademi Saga telah disusun untuk memberikan para pelatih asas yang teguh secara teori dan amali dalam aspek merservis dan membahik pulih automobil, dengan tumpuan khusus pada Proton Saga. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh Akademi Saga adalah:

*Program Perantis


Ini merupakan program 2 tahun, untuk para lepasan sekolah yang tidak mempunyai sebarang penggerahan automotif tetapi ingin mencuba bidang mensejajarkan dan membahik pulih automobil.

*Kursus Kepakaran

Kursus bermodul yang mengambil masa antara 2 hingga 5 hari ini disediakan khas untuk para mekanik yang sedang bekerja yang ingin mempelajari teknik merservis dan membahik pulih yang moden.

*Kursus Asas Dan Penghargaan Automobil

Ini adalah kursus 2 hari yang dibuka kepada pihak awam khasnya pemilik Proton Saga dan mereka yang ingin mengenal kereta masing-masing dengan lebih dekat dan cara-cara penyenggarannya. Para peserta akan dideakah kepada prinsip-prinsip asas dalam penyelenggaraan pelbagai sistem dalam kereta, dan apa yang harus dilakukan bila kererosakan berlaku.



Akademi Saga terletak berhampiran dengan ibu pejabat korporat EON, di kawasan perindustrian HICOM di Shah Alam.

Ia mempunyai dewan kuliah yang dilengkapi peralatan audio visual termodern dan woksyop yang dibina dengan standard terbaru juga lengkap dengan peralatan canggih. Di sini, para pelatih akan berpeluang menggunakan pengetahuan teori masing-masing untuk menjalankan kerja-kerja membahik pulih. Di woksyop ini juga, mereka akan dilatih untuk menjadi para mekanik profesional.

Akademi Saga. Satu lagi pencapaian EON dalam pembangunannya ke arah pembangunan industri automobil Malaysia.

